

Ceramah percuma cegah kerosakan gigi kanak-kanak

SATU ceramah mengenai penjagaan gigi kanak-kanak akan dianjurkan pada Sabtu ini.

Ceramah anjuran Mercu Learning Point itu akan disampaikan oleh doktor gigi kanak-kanak di Pusat Pergigian Nasional Singapura, Dr Md Badrun Nafis Saion.

Ceramah tersebut bertujuan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya penjagaan gigi kanak-kanak dalam kalangan masyarakat Melayu/Islam.

Kerosakan gigi adalah satu daripada penyakit kronik yang paling biasa berlaku di dunia dan boleh berjangkit dari seorang ke seorang yang lain.

Kebersihan mulut yang kurang baik juga boleh memberi kesan yang memudaratkan ke atas mutu hidup seorang kanak-kanak.

Sedang kerosakan gigi rata-rata boleh dicegah, ramai ibu bapa atau pengasuh tidak sedar akan cara terbaik membantu anak-anak mereka mencegahnya.

Dalam ceramah satu jam itu, Dr Md Badrun, yang juga Ketua Khidmat Pergigian Masyarakat di Poliklinik SingHealth, akan berkongsi pengetahuan tentang kepentingan kebersihan mulut yang baik.

Beliau juga akan memberi panduan bagaimana mencegah kerosakan gigi bagi kanak-kanak kecil.

Ceramah yang akan disampaikan dalam bahasa Inggeris dan Melayu itu akan diadakan di auditorium Masjid Sultan mulai 2.30 petang .

Orang ramai digalakkan hadir ke ceramah yang diadakan secara percuma itu.

Memandangkan tempat terhad, pendaftaran perlu dibuat dan orang ramai diterima hadir atas dasar yang dahulu didahulukan.

Pendaftaran bagi ceramah itu boleh dibuat dengan menghubungi Cik Liyah melalui telefon 6346-8301 atau e-mel liyah@mercularning.com.